

D700

U 8727 AAB

MAHATHIR-PEKILANG

1985

KUALA LUMPUR, 4 APRIL (BERNAMA) -- KEMPEN +BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA+ DILANCARKAN HARI INI DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGESYORKAN SEKTOR PERKILANGAN NEGARA MENEROKAI BIDANG KEMAJUAN BARANGAN UNTUK PENGGUNA TEMPATAN.

PERDANA MENTERI BERKATA USAHA PERLU DIBUAT UNTUK MENGHASILKAN BERBAGAI-BAGAI JENIS BARANGAN UNTUK MEMENUHI KEHENDAK DAN CITARASA PARA PENGGUNA.

+SAYA YAKIN SEKIRANYA PEKILANG-PEKILANG TEMPATAN JUGA MENGIKUTI JEJAK LANGKAH PEKILANG LUAR NEGERI, MAKA AKAN BERTAMBAH LAGI KEPERCAYAAN PENGGUNA TEMPATAN TERHADAP BARANGAN BUATAN NEGARA SENDIRI.+

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DALAM UCAPANNYA MELANCARKAN KEMPEN ITU DI SINI YANG DIBACAKAN OLEH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGKU RAZALEIGH HAMZAH.

DR. MAHATHIR PERCAYA JIKA PEKILANG TEMPATAN BERBUAT DEMIKIAN, AKAN LEBIH LUASLAH LAGI ASAS PEKILANGAN NEGARA DAN INI AKAN MEMBOLEHKAN NEGARA MENAWARKAN LEBIH BANYAK BARANGAN, SAMA ADA DI PASARAN DALAM NEGERI MAHUPUN DI LUAR NEGERI.--LAGI  
1618MST 04 04 85

D701

U 8728 AAB

MAHATHIR-PEKILANG 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGULANGI JAMINAN KERAJAAN UNTUK MEMBERI SEGALA KEMUDAHAN DAN GALAKAN KEPADA PENGELUAR TEMPATAN, UNTUK MENINGGIKAN MUTU BARANGAN MASING-MASING.

BELIAU MAHU PEKILANG TEMPATAN MENGELUARKAN BARANGAN YANG MENEPATI PIAWAIAN-PIAWIAN YANG TELAH DIGUBAL OLEH INSTITUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (SIRIM). KINI ADA TIDAK KURANG 1,000 PIAWAN KELUARAN SIRIM.

MENURUTNYA PIAWAIAN DAN KAWALAN MUTU DI NEGARA-NEGARA MAJU LAZIMNYA DIBUAT OLEH SESUATU SEKTOR INDUSTRI YANG BERKENAAN TANPA DIPAKSA ATAU DIKUATKUASAKAN MELALUI UNDANG-UNDANG.

UPACARA HARI INI YANG DIHADIRI OLEH PARA MENTERI KABINET DAN PEMBESAR NEGARA YANG LAIN JUGA MEMPERKENALKAN LOGO KEMPEN ITU YANG MENGGAMBARAKAN KOTAK ATAU PEMBUNGKUSAN YANG BERBENTUK BELAH KETUPAT DAN BINTANG PECAH 14 DAN BULAN SABIT.

PEREKA LOGO ITU, ISMAIL HASHIM, SEORANG PENSYARAH REKABENTUK GRAFIK DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) MENERIMA WANG TUNAI \$3,000 DAN TIKET KAPAL TERBANG MELANCONG KE SABAH ATAU SARAWAK UNTUK EMPAT ORANG.---LAGI  
1620MST 04 04 85

D702

U B729 AAB

MAHATHIR-PEKILANG 3 KUALA LUMPUR

HADIAH KEDUA MENCIPTA LOGO DIMENANGI OLEH ENCIK AHMAD HAJI ZAINUDDIN, PENSYARAH JABATAN REKABENTUK GRAFIK DI INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) DAN HADIAH KETIGA DIMENANGI OLEH PUAN ROBAAH DAUD, SEORANG KERANI DI JABATAN PERTANIAN.

TENGGU RAZALEIGH JUGA MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA LAPAN FIRMA YANG MEMENANGI PENGANUGERAHAN FMM 1985 UNTUK KEJAYAAN EKSPORT DAN LAPAN FIRMA UNTUK PENGANUGERAHAN FMM 1985 UNTUK PEMBANGUNAN HASIL PENGELUARAN YANG BARU DAN DIPERBAIKI. -- BERNAMA..

1621MST 04 04 85

D803